

TARIKH	25 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Negara



NAJIB memotong kek hari lahir sambil disaksikan Rosmah dan anak-anak yatim pada majlis berbuka puasa di Dewan Besar Tabung Haji, Kuala Lumpur malam tadi.

Perdana Menteri berbuka puasa bersama anak-anak yatim

MERIAH. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak malam tadi menghadiri majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan Aidilfitri serta hadiah pelajar cemerlang anjuran Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Perkayatifim) di Dewan Besar Tabung Haji di ibu negara.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang merupakan Penaung Perkayatifim dan Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor yang juga Yang Dipertua Perkayatifim.

Najib pada majlis sama kemudian memo-

tong kek ulang tahun ke-59 kelahirannya yang jatuh pada Isnin lalu.

Perdana Menteri semasa berucap pada majlis itu mengingatkan umat Islam di negara ini supaya bersyukur kerana dapat menunaikan ibadah puasa dalam keadaan yang aman, selamat dan tanpa rasa takut.

"Inilah satu rahmat yang Allah telah beri kepada kita. Seperti yang kita tahu, satu demi satu negara Islam tidak melalui kenikmatan yang sama yang kita (rakyat Malaysia) anggap biasa... hingga kita tidak anggap ini (keamanan) sebagai satu rahmat yang harus disyukuri," katanya.